iBADAT UPKK - TAHUN 3

# HADAS

## MAKSUD HADAS

Hadas ialah kekotoran maknawi pada tubuh seseorang yang menghalang sahnya ibadah yang disyaratkan bersuci, seperti solat.

## HADAS KECIL

### MAKSUD HADAS KECIL

Apa-apa yang mewajibkan seseorang mengambil wuduk.

### SEBAB-SEBAB

- Keluar sesuatu dari qubul atau dubur
- Tidur yang tidak tetap punggung.
- Hilang akal (seperti pengsan, pitam, gila).
- Bersentuh kulit antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram tanpa lapik.
- Menyentuh kemaluan tanpa lapik.

### CARA BERSUCI

✅ Berwuduk

## HADAS BESAR

### MAKSUD HADAS BESAR

Apa-apa yang mewajibkan seseorang mandi wajib.

### SEBAB-SEBAB

- Berlaku persetubuhan.
- Keluar air mani.
- Keluar darah haid.
- Keluar darah nifas.
- Keluar darah wiladah
- Mati selain mati syahid.

### CARA BERSUCI

✅ Menghilangkan najis pada tubuh
✅ Niat mandi wajib.
✅ Meratakan air ke seluruh anggota badan.

Contoh Lafaz Niat Mandi Wajib:
"Sahaja aku mandi hadas besar kerana Allah Taala."

Download Video Penerangan

# Aurat & Konsep Baligh

## MAKSUD AURAT

Aurat ialah anggota badan yang **WAJIB** ditutup dan haram di lihat oleh pandangan orang bukan mahram nya

## AURAT LELAKI:

Anggota badan yang terletak dari pusat sampai ke lutut.

## AURAT PEREMPUAN:

Keseluruhan anggota badannya kecuali muka dan pergelangan tangan

### HIKMAH MENUTUP AURAT

1. Mendapat ganjaran pahala
2. Menghindari diri dari perbuatan dosa dan maksiat
3. dapat mencegah nafsu syahwat
4. Mengelak dari fitnah dan godaan syaitan

## MAKSUD BALIGH

Baligh ialah cukup umur tahap dewasa

## TANDA BALIGH

1. Keluar air mani
2. Mempunyai nafsu syawat
3. Keluar darah haid
4. Umur 15 tahun jika belum tanda fizikal

## KESAN SETELAH BALIGH

1. Melaksanakan segala perintah Allah
2. Meninggalkan segala larangan Allah
3. Menututup aurat dengan sempurna
4. Menjaga kehormatan diri

**iBADAT UPKK - TAHUN 3**

**Download Video Penerangan**

# iBADAT UPKK - TAHUN 3

# SOLAT FARDU

## Pengertian Solat

Dari Segi Bahasa:

Doa atau permohonan.

Dari Segi Syarak:

Perkataan dan perbuatan yang dimulai dengan takbiratul ihram dan disudahi dengan salam, mengikut syarat-syarat tertentu.

## Syarat-Syarat Wajib

1. Islam
2. Baligh
3. Berakal
4. Suci daripada haid dan nifas
5. Sempurna pancai
6. Sedar

## Syarat Sah Solat

1. Suci daripada hadas
2. Suci daripada najis
3. Menghadap kiblat
4. Menutup aurat
5. Yakin waktu solat

## Hukum

✅ Wajib ke atas setiap Muslim yang waras dan masih hidup.

❌ Tidak boleh ditinggalkan dalam apa jua keadaan.

⚠️ Meninggalkan solat fardu termasuk dalam dosa-dosa besar.

## Lima Waktu Solat Fardu

- Solat Subuh - 2 Rakaat
- Solat Zohor - 4 Rakaat
- Solat Asar - 4 Rakaat
- Solat Margrib - 3 Rakaat
- Solat Isyak - 4 Rakaat

**Download Video Penerangan**

iBADAT UPKK - TAHUN 3

# 13 RUKUN SOLAT

## 13 RUKUN SOLAT

1. Niat
2. Berdiri tegak
3. Takbiratul ihram
4. Membaca Al-Fatihah
5. Rukuk serta toma'ninah
6. Iktidal serta toma'ninah
7. Sujud serta toma'ninah
8. Duduk antara dua sujud serta toma'ninah
9. Duduk tahiyat akhir
10. Membaca tahiyat akhir
11. Membaca selawat
12. Memberi salam
13. Tertib

## RUKUN QALBI (HATI)

- Niat
- Tertib

## RUKUN QAULI (SEBUTAN)

- Takbiratul ihram
- Membaca Al-Fatihah
- Membaca Tahiyat Akhir
- Membaca Selawat dalam Tahiyat Akhir
- Memberi Salam

## RUKUN FI'LI (PERBUATAN)

- Berdiri tegak (bagi yang mampu)
- Rukuk
- Iktidal
- Sujud
- Duduk antara dua sujud
- Duduk tahiyat akhir

**Download Video Penerangan**

# iBADAT UPKK - TAHUN 3

## PERKARA SUNAT DALAM SOLAT

| ✅ SUNAT AB'ADH | ✅ SUNAT HAI'AH |
|---|---|
| Perkara sunat yang jika ditinggalkan, **disunatkan** sujud sahwi | Perkara sunat yang jika ditinggalkan, tidak perlu sujud sahwi |
| • Membaca tahiyat awal<br>• Duduk tahiyat awal<br>• Membaca doa qunut (dalam solat Subuh)<br>• Selawat ke atas Nabi semasa doa qunut<br>• Selawat ke atas Nabi dalam tahiyat awal | • Membaca doa iftitah<br>• Membaca isti'azah (A'uzubillah...)<br>• Menyebut "Aamin" selepas Al-Fatihah<br>• Membaca surah selepas Al-Fatihah<br>• Membaca tasbih ketika rukuk dan sujud<br>• Bertakbir setiap kali turun/bangun (intiqalat)<br>• Duduk iftirasy & tawarruk<br>• Memberi salam kedua (ke kiri) |

**Download Video Penerangan**

## PERKARA MAKRUH SEMASA SOLAT

1. Berpaling ke kiri atau kanan (selain ketika salam)
2. Mendongak ke atas
3. Berdiri dengan sebelah kaki sahaja
4. Berludah
5. Rukuk (terlalu bongkok)
6. Bercekak pinggang
7. Menyinsing kain atau baju
8. Solat ketika makanan telah dihidang
9. Solat ketika menahan buang air

## PERKARA YANG MEMBATALKAN SOLAT

1) Berubah niat
2) Terbuka aurat
3) Murtad
4) Berhadas
5) Ketawa hingga mengeluarkan suara
6) Terkena najis pada badan, pakaian atau tempat solat
7) Bergerak tiga kali berturut
8) Makan atau minum atau Bercakap dengan sengaja

# iBADAT UPKK - TAHUN 4

# SOLAT BERJEMAAH

## PENGERTIAN
Solat yang dilakukan oleh lebih daripada seorang dengan diketuai oleh imam.

## HUKUM
Fardu Kifayah - wajib dilaksanakan oleh sebahagian umat Islam di sesuatu tempat.

## 🕌 JENIS MAKMUM

- **MASBUK**

  > Makmum yang tak sempat habis baca Al-Fatihah sebelum imam rukuk

- **MUAFIK**

  > Makmum yang sempat baca Al-Fatihah dan ikut imam sepenuhnya

## ✅ SYARAT SAH
1. Makmum berniat mengikut imam
2. Jarak antara imam dan makmum tidak terlalu jauh
3. Makmum berada di belakang imam atau sebaris (bagi saf wanita atau jemaah dua orang)
4. Makmum tidak mendahului pergerakan imam
5. Makmum mengetahui dan mendengar pergerakan serta bacaan imam

## KELEBIHAN
1. Lebih khusyuk
2. Mendapat 27 kali ganda pahala
3. Menguatkan ukhwah (persaudaraan sesama Muslim)
4. Mendapat keberkatan di dunia dan akhirat

Download Video Penerangan

### SUAMI ISTERI



### AYAH DAN ANAK LELAKI



### IBU DAN ANAK PEREMPUAN



### AYAH IBU & ANAK LELAKI



# KEDUDUKAN IMAM DAN MAKMUM

Download Video Penerangan

## iBADAT UPKK - TAHUN 4

### AYAH DAN ANAK2 LELAKI



### IBU DAN ANAK2 PEREMPUAN



### SATU KELUARGA



# SOLAT JENAZAH

## SOLAT JENAZAH

Solat yang dilakukan oleh orang Islam yang hidup ke atas jenazah orang Islam.

## PERKARA SUNAT

1. Imam berdiri setentang kepala jenazah lelaki
2. Imam berdiri setentang pinggang jenazah perempuan
3. Dilakukan secara berjemaah
4. Dilakukan di masjid atau tempat terbuka yang sesuai
5. Memperlahankan bacaan

## RUKUN

1. Berdiri tegak
2. Niat solat jenazah
3. Empat kali takbir
4. Membaca Al-Fatihah
5. Selawat ke atas Nabi
6. Doa untuk jenazah
7. Memberi salam

## HUKUM

Fardu Kifayah – wajib dilaksanakan oleh sebahagian umat Islam

## HIKMAH

1. Mendoakan dan memohon keampunan untuk jenazah
2. Penghormatan terakhir kepada jenazah
3. Menunjukkan persaudaraan Islam

**Download Video Penerangan**

# iBADAT UPKK - TAHUN 4

## Pengertian

Solat dua rakaat yang dilakukan secara berjemaah pada hari Jumaat pada waktu Zuhur, didahului oleh dua khutbah, dan dilakukan di masjid/tempat tertentu.

## Hukum

Fardu Ain – wajib ke atas lelaki Islam yang cukup syarat.

## Hikmah Solat Jumaat

1. Memuliakan hari Jumaat
2. Mengeratkan silaturrahim
3. Mengambil iktibar daripada khutbah

## SYARAT WAJIB

1) Islam
2) Baligh
3) Lelaki
4) Berakal
5) Sihat tubuh
6) Bermastautin
7) Merdeka

## SYARAT SAH

1. Secara berjemaah (40 orang termasuk imam)
2. Dalam waktu Zuhur
3. Didahului dengan dua khutbah
4. Di tempat yang ditetapkan

## Amalan Sunat Hari Jumaat

1. Potong kuku
2. Mandi sunat
3. Pakai pakaian bersih dan wangi
4. Bersegera ke masjid
5. Khusyuk mendengar khutbah

## Khutbah Jumaat

Pengertian: Ucapan yang wajib disampaikan sebelum solat Jumaat

Rukun Khutbah:

1. Memuji Allah
2. Selawat ke atas Nabi
3. Menyebut "Ittaqullah"
4. Baca 1 ayat al-Quran
5. Doa untuk kaum Muslimin

Download Video Penerangan

# iBADAT UPKK - TAHUN 4

# SOLAT JAMAK & QASAR

| SOLAT | JAMAK | | QASAR |
|---|---|---|---|
| PENGERTIAN | Himpun 2 solat fardu dalam 1 waktu | | Pendekkan solat 4 rakaat jadi 2 rakaat |
| WAKTU SOLAT | Zuhur + Asar<br>Maghrib + Isyak | | Zuhur Asar Isyak |
| JENIS SOLAT | **JAMAK TAQDIM**<br>Dihimpun dalam waktu solat pertama | **JAMAK TAKHIR**<br>Ditangguh ke waktu solat kedua | |
| SYARAT | **SYARAT JAMAK TAQDIM**<br>• Berniat dalam takbir solat pertama<br>• Tertib dan berturut-turut<br>• Masih bermusafir | **SYARAT JAMAK TAKHIR**<br>• Berniat menjamakkan solat pertama kepada solat kedua<br>• Masih dalan keadaan musafir | **SYARAT QASAR**<br>• Musafir harus<br>• Jarak lebih 2 marhalah (± 89km)<br>• Tidak ikut imam yang solat tamam<br>• Tidak niat menetap lebih 4 hari |
| MEMBATALKAN JAMAK/QASAR | • Sampai ke tempat asal sebelum selesai solat kedua<br>• Niat menetap ≥ 4 hari di destinasi | | |

**Download Video Penerangan**

**IBADAT UPKK - TAHUN 4**

# Solat Orang SAKIT & Dalam Kenderaan

## Pengertian

Pengertian Solat Orang Uzur - Solat orang yang tidak berupaya mengerjakan solat secara berdiri

## Syarat sah Solat Orang Uzur

- menutup aurat
- mendapatkan pahala
- masuk waktu solat
- suci dari najis

## Solat Orang Uzur

Solat bagi yang tidak mampu berdiri:

- Duduk atas kerusi/bersila/iftirasy
- Berbaring mengiring menghadap kiblat
- Terlentang (kaki ke kiblat)
- Isyarat mata atau hati jika tak mampu lain

## Hikmah

**Memastikan solat tetap dapat melaksanakan walau apa jua keadaan.**

## Solat Dalam Kenderaan

- Afdal berdiri jika mampu
- Jika tidak mampu: duduk
- Arah kiblat jika boleh, jika tidak: ikut arah kenderaan
- Pergerakan solat ikut kemampuan dan keadaan kenderaan

**Download Video Penerangan**

# SOLAT SUNAT

## Pengertian

Solat sunat ialah ibadah solat yang dianjurkan dalam Islam tetapi tidak diwajibkan. Ia menambah pahala dan mendekatkan diri kepada Allah.

## Jenis-Jenis Solat Sunat

1. Solat Sunat Dhuha
2. Solat Sunat Tarawih
3. Solat Sunat Gerhana
4. Solat Sunat Tahiyatul Masjid
5. Solat Sunat Rawatib
6. Solat Sunat Istisqa'
7. Solat Sunat Istikharah
8. Solat Sunat Aidilfitri
9. Solat Sunat Aidiladha
10. Solat Sunat Witir
11. Solat Sunat Tasbih

## Rawatib

Solat sunat yang mengiringi solat fardu

Terbahagi kepada dua:

🔶 Qabliyah – sebelum solat fardu

🔷 Ba'diyah – selepas solat fardu

Download Video Penerangan

# iBADAT UPKK - TAHUN 5

## ✅ Syarat Wajib Puasa

1. Islam
2. Baligh
3. Berakal
4. Mampu berpuasa
5. Suci daripada haid dan nifas

## ✅ Syarat Sah Puasa

1. Islam
2. Mumaiyiz
3. Suci daripada haid dan nifas
4. Menahan diri daripada perkara yang membatalkan puasa

## PERKARA SUNAT PUASA

1. Membaca Al-Quran
2. Membanyakkan sedekah
3. Melewatkan sahur (sebelum imsak)
4. Menyegerakan berbuka apabila masuk waktu
5. Berbuka dengan makanan manis, seperti kurma

## 📖 Pengertian Puasa

Menahan diri daripada makan, minum dan perkara yang membatalkan puasa, bermula dari terbit fajar sadiq hingga terbenam matahari.

# PUASA RAMADAN

**Download Video Penerangan**

## ❌ PERKARA YANG MEMBATALKAN PUASA,

1. Makan dan minum dengan sengaja
2. Berbuka sebelum waktu
3. Haid dan nifas
4. Murtad
5. Pengsan sepanjang hari
6. Bersetubuh di siang hari
7. Keluar mani dengan sengaja
8. Muntah dengan sengaja
9. Memasukkan sesuatu ke dalam rongga badan

## HIKMAH PUASA

1. Dosa diampunkan
2. Doa dimakbulkan
3. Menghindarkan penyakit
4. Melatih diri bersabar dan menahan hawa nafsu

## PERKARA MAKRUH PUASA

1. Kerap berkumur secara berlebihan
2. Menggosok gigi selepas gelincir matahari
3. Mengambil darah atau berbekam
4. Melihat perkara haram
5. Bercakap perkara sia-sia